



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI
BILANGAN 2 TAHUN 2002**

**PEMBERIAN KENAIKAN GAJI 10% KEPADA ANGGOTA
PERKHIDMATAN AWAM DI BAWAH JAWATANKUASA KABINET**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan Persekutuan Bilangan 14 Tahun 2001 mengenai perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan Persekutuan Bilangan 14 Tahun 2001 untuk panduan dan tindakan.

Sekian, terima kasih.

(DATO' HAJI ISMAIL BIN LATIFF)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN
KOTA DARULNAIM
15503 KOTA BHARU

Bertarikh : 25 Syawal 1422
09 Januari 2002

[SUK.D.200(01)600/9/JId. III/(14)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan : 1. Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
2. Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2001

**PEMBERIAN KENAIKAN GAJI 10% KEPADA
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DI BAWAH
JAWATANKUASA KABINET**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan Kenaikan Gaji berikutan keputusan Kerajaan menaikkan gaji 10% mulai 1 Januari 2002 kepada semua anggota perkhidmatan awam Persekutuan di bawah syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976.

TAFSIRAN

2. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, istilah berikut mempunyai erti seperti di bawah ini:-

“anggota” ertinya seseorang yang tidak memilih tawaran Sistem Saraan Baru dan kekal di bawah syarat-syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976;

“Gaji Jawatankuasa Kabinet” ertinya Matagaji dalam tanggagaji Jawatankuasa Kabinet;

“Gaji Pokok Hakiki” ertinya Matagaji dalam tanggagaji Jawatankuasa Kabinet;

“Jumlah Gaji Yang Diterima” ertinya gaji pokok hakiki Jawatankuasa Kabinet dicampur dengan Pembayaran Pemberian Pendahuluan Gaji (PPKG) 8% di mana berkenaan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 dan kuantum Peningkatan Gaji 10% mengikut perenggan 8 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2000.

“Jumlah Gaji Baru” ertinya kuantum Kenaikan Gaji 10% dicampur dengan Jumlah Gaji Yang Diterima.

“ Kenaikan Gaji 10%” ertinya pemberian kenaikan gaji 10% daripada jumlah Gaji Pokok Hakiki Jawatankuasa Kabinet, Pemberian Pendahuluan Kenaikan Gaji 8% di mana berkenaan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 dan Peningkatan Gaji 10% kepada Anggota Perkhidmatan Awam Di Bawah Jawatankuasa Kabinet.

“Pelarasan Gaji” ertinya perubahan gaji berikutan daripada kenaikan gaji yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2002 kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan Sistem Saraan Baru.

PELAKSANAAN

Kenaikan Gaji

3. Kenaikan Gaji 10% **tidak diberi** kepada:–
 - a. anggota yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman **buang kerja** yang berkuatkuasa pada atau selepas 1 Januari 2002 sehingga tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini; dan
 - b. anggota yang bersara sebelum atau pada 1 Januari 2002.
4. Kenaikan Gaji 10% **hendaklah diberi** kepada semua anggota yang sedang berkhidmat pada 1 Januari 2002 termasuk mereka yang berada dalam keadaan seperti berikut:-
 - a. **dipinjam** atau **ditukar sementara** ke agensi Kerajaan, kenaikan Gaji 10% hendaklah diselaraskan **secara isyarat** oleh Ketua Jabatan. Pelarasan Gaji hendaklah mengikut gaji pinjaman atau pertukaran sementara seperti di perenggan 5 (a) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001;
 - b. **cuti bergaji penuh**, Kenaikan Gaji 10% dibayar sepenuhnya;
 - c. **cuti separuh gaji**, Kenaikan Gaji 10% dibayar separuh; dan

- d. **cuti tanpa gaji**, Kenaikan Gaji 10% hendaklah dibuat secara isyarat. Anggota berkenaan dibayar Kenaikan Gaji 10% apabila kembali bertugas.
5. Anggota yang **meninggal dunia** pada atau selepas 1 Januari 2002 layak diberi Kenaikan Gaji 10%. Ketua Jabatan terakhir di mana anggota ditempatkan hendaklah bertanggungjawab terhadap pembayaran tunggakan.
6. Kenaikan Gaji 10% akan terus dibayar **sehingga** anggota berkenaan:–
- a. dinaikkan pangkat dan dimasukkan ke dalam skim perkhidmatan Sistem Saraan Baru (SSB) mengikut perenggan 44, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991; atau
 - b. ditukar lantik ke dalam skim perkhidmatan SSB; atau
 - c. bersara daripada perkhidmatan Kerajaan.
7. Pemberian Kenaikan Gaji 10% ini adalah dibuat **secara berasingan** daripada Gaji JKK dan ianya tidak mengubah struktur tanggagaji yang sedia ada. Syarat perkhidmatan JKK seperti tempoh percubaan, tarikh kenaikan gaji, sekatan peperiksaan dan sekatan kecekapan yang sedang berkuatkuasa juga tidak berubah.

Kaedah Perkiraan

8. Pemberian Kenaikan Gaji 10% dikira berasaskan Jumlah Gaji Yang Diterima dengan mendarab 10% mulai 1 Januari 2002 seperti berikut-

$$(\text{Jumlah Gaji Yang Diterima}) \times 10\% = \text{Kuantum Kenaikan Gaji 10\%}$$

Kuantum Kenaikan Gaji 10% di campur dengan Jumlah Gaji Yang Diterima menjadi Jumlah Gaji Baru bagi anggota.

Butir-butir terperinci perkiraan Jumlah Gaji Baru kepada Anggota mengikut contoh beberapa skim perkhidmatan JKK terkandung di **Lampiran A** Panduan Kenaikan Gaji 10% Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Di Bawah Jawatankuasa Kabinet Berkuatkuasa Mulai 1 Januari 2002.

Elaun dan Kemudahan

9. Kenaikan Gaji 10% di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini, **tidak mengubah** elaun dan kemudahan di bawah JKK. Walau bagaimanapun, lingkungan gaji bagi penetapan kelayakan beberapa elaun dan kemudahan yang berasaskan gaji hendaklah mengambilkira Jumlah Gaji Baru yang dikira mengikut perenggan 8 Pekeliling ini. Lingkungan gaji baru bagi elaun dan kemudahan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran B**.

10. Kenaikan Gaji 10% ini **tidak mengubah** elaun dan kemudahan yang diterima oleh anggota yang berkhidmat di luar negeri.

11. Dalam proses pemberian Kenaikan Gaji 10% ini, sebarang **hukuman** yang dikenakan oleh pihak Berkuasa Tatatertib sebelum tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini yang melibatkan elaun anggota hendaklah dilaksanakan sepenuhnya.

Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

12. Bagi anggota yang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, caruman mereka hendaklah mengambilkira Jumlah Gaji Baru yang diterima mengikut perenggan 8 Pekeliling ini.

Faedah Persaraan

13. Bagi anggota yang bersara pada atau selepas 2 Januari 2002, bayaran pencen, ganjaran dan wang tunai sebagai gantian cuti rehat di bawah undang-undang pencen juga hendaklah berasaskan Jumlah Gaji Baru yang diterima mengikut perenggan 8 Pekeliling ini.

TARIKH KUATKUASA

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2002.

PEMAKAIAN

15. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

16. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini –

- a. Perenggan 11, Lampiran D Pekeliling Perkhidmatan 10 Tahun 2000.

adalah **dibatalkan**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

27 Disember 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PANDUAN KENAIKAN GAJI 10% BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM
DI BAWAH JAWATANKUASA KABINET MULAI 1 JANUARI 2002**

TUJUAN

1. Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah perkiraan kuantum Kenaikan Gaji 10% bagi anggota Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK) berikutan keputusan Kerajaan untuk memberi Kenaikan Gaji 10% kepada semua anggota perkhidmatan awam Persekutuan mulai 1 Januari 2002.

PRINSIP KENAIKAN GAJI

2. Kenaikan Gaji 10% kepada anggota diberi dengan menambah kadar tersebut kepada Jumlah Gaji Yang Diterima pada 1 Januari 2002. Jumlah Gaji Yang Diterima pada 1 Januari 2002 adalah mengandungi unsur-unsur berikut:-

- i. Gaji Pokok Hakiki JKK anggota;
- ii. Pembayaran Pemberian Pendahuluan Kenaikan Gaji (PPKG) 8% di mana berkenaan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 (SPP.1/1992); dan
- iii. Pemberian Peningkatan Gaji 10% mengikut perenggan 8 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2000 (PP.10/2000).

KAEDAH PERKIRAAN

3. Perkiraan kuantum Kenaikan Gaji 10% dikira mengikut formula berikut:-

[Jumlah Gaji Yang Diterima] x 10%

di mana Jumlah Gaji Yang Diterima adalah Gaji Pokok Hakiki JKK **di campur** dengan PPKG 8% mengikut mana yang berkenaan dan Peningkatan Gaji 10% yang telah diterima oleh Anggota mengikut perenggan 8, PP. 10/2000.

PELAKSANAAN

4. Kenaikan Gaji 10% bagi beberapa skim perkhidmatan JKK adalah seperti di **Contoh 1, 2, 3, 4, 5 dan 6.**

5. Ketua Jabatan hendaklah mematuhi prinsip dan kaedah perkiraan sebagaimana yang telah diterangkan dalam Panduan ini untuk melaksanakan pemberian Kenaikan Gaji 10% kepada Anggota JKK.

Jabatan Perkhidmatan Awam

27 Disember 2001

JPA 81/20/Klt.2/(18)

CONTOH 1

KAEDAH PERKIRAAN JUMLAH GAJI BARU BAGI ANGGOTA YANG MENIKMATI SEPENUHNYA PPKG 8% MENGIKUT PERENGGAN 3.1 SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992

Anggota A, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Pertanian A19 JKK yang berada di atas Gaji Pokok Hakiki JKK RM2050.00 pada 1 Januari 2002. Skim Perkhidmatan Pegawai Pertanian tidak terlibat dalam urusan penyusunan semula struktur skim perkhidmatan 1989. Kaedah perkiraan Kuantum Kenaikan Gaji 10% adalah seperti berikut:-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|---------------|----------------------------------|---|---|
| 1.1.2002 | 2435.40 (i) | 2050.00 + 164.00 + 221.40 (a) + (b) + (c) | Jumlah Gaji Yang Diterima:- (a) Gaji Pokok Hakiki A19 JKK; dan (b) PPKG 8% sepenuhnya; dan (c) Peningkatan Gaji 10% mengikut PP. 10/2000 |
| 1.1.2002 | 243.54 (ii) | 2435.40 x 10% | Kuantum Kenaikan Gaji 10% |
| 1.1.2002 | 2678.94 (i) + (ii) | | Jumlah Gaji Baru |

CONTOH 2

KAEDAH PERKIRAAN JUMLAH GAJI BARU BAGI ANGGOTA YANG LAYAK DIBERI *TOPPING UP* PPKG 8% MENGIKUT PERENGGAN 3.2 SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992

Anggota B, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) atas tanggagaji JKK B10 yang berada di atas matagaji RM1430.00 pada 1 Januari 2002. Skim PPPBS telah disusun semula dalam Pelaksanaan Struktur Baru Perkhidmatan Pendidikan 1989. Anggota B telah menikmati peningkatan tanggagaji dari C8 ke B10 mulai 2 Januari 1991 dari matagaji RM1065 (C8) ke RM1070 (B10), iaitu tambahan kenaikan gaji RM5. Oleh itu, anggota B dibayar PPKG 8% atas Gaji Pokok Hakiki ditolak RM5. Kaedah perkiraan Kuantum Kenaikan Gaji 10% adalah seperti berikut:-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|----------|-----------------------|---|--|
| 1.1.2002 | 1693.34 (i) | 1430.00 + 109.40 + 153.94 (a) + (b) + (c) | Jumlah Gaji Yang Diterima:- (a) Gaji Pokok Hakiki A19 JKK; dan (b) <i>Topping Up</i> PPKG 8% ditolak RM5; dan (c) Peningkatan Gaji 10% mengikut PP. 10/2000 |
| 1.1.2002 | 169.33 (ii) | 1693.34 x 10% | Kuantum Kenaikan Gaji 10% |
| 1.1.2002 | 1862.67 (i) + (ii) | | Jumlah Gaji Baru |

CONTOH 3

KAEDAH PERKIRAAN JUMLAH GAJI BARU BAGI ANGGOTA YANG TIDAK LAYAK DIBERI PPKG 8% MENGIKUT PERENGGAN 3.2 SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992

Anggota C, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Jurutera A11 JKK yang berada di atas matagaji RM2205.00 pada 1 Januari 2002. Skim Perkhidmatan Jurutera telah terlibat dalam urusan Penyusunan Semula Struktur Perkhidmatan Teknikal 1989. Anggota C telah melangkah titik peningkatan ke tanggagaji A11 dan diselaraskan daripada matagaji RM1830.00 (A18) ke matagaji RM2205.00 pada 1 November 2001. Anggota C telah menikmati kenaikan gaji melebihi 8% daripada gaji lama A18 dan tidak layak PPKG 8%. Kaedah perkiraan Kuantum Kenaikan Gaji 10% adalah seperti berikut:-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|---------------|-----------------------|---------------------------------------|--|
| 1.1.2002 | 2425.50 (i) | 2205 + 220.50 (a) + (b) | Jumlah Gaji Yang Diterima:- (a) Gaji Pokok Hakiki A19 JKK; dan (b) Peningkatan Gaji 10% mengikut PP. 10/2000 |
| 1.1.2002 | 242.55 (ii) | 2425.50 X 10% | Kuantum Kenaikan Gaji 10% |
| 1.1.2002 | 2668.05 (i) + (ii) | | Jumlah Gaji Baru |

CONTOH 4

KAEDAH PERKIRAAN JUMLAH GAJI BARU BAGI ANGGOTA YANG LAYAK DIBERI PPKG 8 % SEPENUHNYA MENGIKUT PERENGGAN 3.1 SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1992 DAN DINAIKKAN PANGKAT DALAM SKIM PERKHIDMATAN JKK

Anggota D, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Pertanian A19 JKK yang berada di atas matagaji RM2150.00 pada 1 Januari 2002 dan dinaikkan pangkat ke gred kanan A11 pada 1 Februari 2002. Anggota D masih layak PPKG 8% sepenuhnya sehingga tarikh kenaikan pangkatnya. Oleh kerana anggota D akan berpindah ke dalam Skim Perkhidmatan SSB mengikut perenggan 44 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, maka mulai 1 Februari 2002 beliau tidak layak diberi PPKG 8% mengikut perenggan 3.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992 dan Peningkatan Gaji 10% mengikut perenggan 6(a) PP 10/2000 serta kenaikan Gaji 10% mengikut perenggan 6(a) Pekeliling ini. Kaedah perkiraan Kuantum Kenaikan Gaji 10% bagi bulan Januari 2002 adalah seperti berikut:-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|---------------------------------|-----------------------|---|--|
| 1.1.2002 | 2554.20 (i) | 2150.00 + 172.00 + 232.20 (a) + (b) + (c) | Jumlah Gaji Yang Diterima- (a) Gaji Pokok Hakiki A19 JKK; dan (b) PPKG 8% sepenuhnya; dan (c) Peningkatan Gaji 10% mengikut PP. 10/2000 |
| 1.1.2002 | 255.42 (ii) | 2554.20 X 10% | Kuantum Kenaikan Gaji 10% |
| 1.1.2002 hingga 31.1.2002 | 2809.62 (i) + (ii) | | Jumlah Gaji Baru |

CONTOH 5

KAEDAH PERKIRAAN JUMLAH GAJI BARU BAGI ANGGOTA YANG TARIKH KENAIKAN GAJI TAHUNAN ADALAH 1 JANUARI 2002

Anggota E, seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang A11, JKK dengan tarikh kenaikan gaji tahunan pada 1 Januari. Pada 1 Januari 2002, Anggota E berada di atas matagaji RM2605 (A11) sebelum kenaikan gaji tahunan. Anggota E layak diberi PPKG 8% sepenuhnya mengikut perenggan 3.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992. Kaedah perkiraan kuantum Kenaikan Gaji 10% adalah seperti berikut:-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|------------|-----------------------|---|--|
| 31.12.2001 | 3094.74 | 2605 + 208.40 + 281.34 (a) + (b) + (c) | Jumlah Gaji Yang Diterima- (a) Gaji Pokok Hakiki A11; dan (b) PPKG 8% sepenuhnya; dan (c) Peningkatan Gaji 10% mengikut PP 10/2000 |
| 1.1.2002 | 2705.00 | | Gaji Pokok Hakiki A11 JKK selepas diberi KGT* |
| 1.1.2002 | 3213.54 (i) | 2705 + 216.4 + 292.14 (a) + (b) + (c) | Jumlah Gaji Yang Diterima ialah- (a) Gaji Pokok Hakiki A19 JKK; dan (b) PPKG 8% sepenuhnya; dan (c) Peningkatan Gaji 10% mengikut PP. 10/2000 |
| 1.1.2002 | 321.35 (ii) | 3213.54 X 10% | Kuantum Kenaikan Gaji 10% |
| 1.1.2002 | 3534.89 (i) + (ii) | | Jumlah gaji Baru |

- Kenaikan Gaji Tahunan

CONTOH 6

KAEDAH PERKIRAAN JUMLAH GAJI BARU BAGI ANGGOTA YANG TARIKH KENAIKAN GAJI TAHUNAN SELEPAS 1 JANUARI 2002

Anggota F seorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang A11 JKK dengan tarikh kenaikan gaji pada 1 Februari. Pada 1 Januari 2002, anggota F berada di atas matagaji RM2605 (A11) dan layak diberi PPKG 8% sepenuhnya mengikut perenggan 3.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992. Kaedah perkiraan kuantum Kenaikan Gaji 10% adalah seperti berikut:-

| Tarikh | Kadar (RM) | Perkiraan | Catatan |
|-----------------------------------|-----------------------|--|---|
| 1.1.2002 sehingga 31.1.2002 | 3094.74 (i) | 2605 + 208.40 + 281.34 (a) + (b) + (c) | Jumlah Gaji Yang Diterima ialah:- (a) Gaji Pokok Hakiki A19 JKK; dan (b) PPKG 8% sepenuhnya; dan (c) Peningkatan Gaji 10% mengikut PP. 10/2000 |
| 1.1.2002 sehingga 31.1.2002 | 309.47 (ii) | 3094.74 X 10% | Kuantum Kenaikan Gaji 10% |
| 1.1.2002 sehingga 31.1.2002 | 3404.21 (i) + (ii) | | Jumlah Gaji Baru |
| 1.2.2002 | 2705.00 | | Gaji Pokok Hakiki A11 JKK selepas KGT* |
| 1.2.2000 | 3213.54 (iii) | 2705 + 216.4 + 292.14 (d) + (e) + (f) | Jumlah Gaji Yang Diterima:- (d) Gaji Pokok Hakiki A19 JKK; dan (e) PPKG 8% sepenuhnya; dan (f) Peningkatan Gaji 10% mengikut PP. 10/2000 |
| 1.2.2002 | 321.35 (iv) | 3213.54 X 10% | Kuantum Kenaikan Gaji 10% |
| 1.2.2002 | 3534.89 (iii)+(iv) | | Jumlah Gaji Baru |

- Kenaikan Gaji Tahunan

**PENETAPAN KELAYAKAN ELAUN DAN KEMUDAHAN
YANG BERASASKAN GAJI**

A ELAUN

1. Elaun Wilayah

Elaun Wilayah yang dibayar kepada anggota bertukar wilayah berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 adalah dikekalkan. Walau bagaimanapun, lingkungan gaji bagi menetapkan kadar Elaun Wilayah di perenggan A1, Lampiran D, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2000 adalah dipinda seperti berikut –

| Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan) | Peratusan Daripada Gaji Yang Diterima |
|--|--|
| RM4521.52 dan ke atas | 12.5 |
| RM4521.51 – RM2535.19 | 15 |
| RM2535.18 – RM1254.52 | 17.5 |
| RM1254.51 – RM718.74 | 20 |
| RM718.73 – RM470.45 | 22.5 |
| RM470.44 dan ke bawah | 25 |

2. Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas 'C' bagi Anggota Yang Bergaji Kurang Daripada RM1071.57

Syarat anggota yang layak dipertimbangkan Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas 'C' berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun

1984 adalah dikekalkan. Walau bagaimanapun, gaji bagi menetapkan kelayakan kadar elaun perjalanan kenderaan kelas 'C' bagi anggota

yang layak di perenggan A2, Lampiran D Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2000 adalah dipinda daripada RM974.16 sebulan kepada RM1071.58 sebulan.

3. Elaun Perjalanan

Lingkungan gaji bagi kelayakan tuntutan Elaun Perjalanan mengikut kelas dan kekuatan di perenggan A3, Lampiran D, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2000 dipinda seperti berikut –

| Kelas | Gaji | Sukatan Selinder Kenderaan (s.s) |
|--------------|-------------------------------|---|
| A | Tidak kurang dari RM1855.66 | 1400 s.s dan ke atas |
| B | Tidak kurang dari RM1568.16 | 1000 s.s dan ke atas |
| C | Tidak kurang dari RM1071.58 | Di bawah 1000 s.s |
| D | Kurang dari RM1071.58 sebulan | Tidak kurang 175 s.s |
| E | Kurang dari RM1071.58 | Dibawah 175.s.s |

B. KEMUDAHAN

1. Kelayakan Dan Bayaran Wad

Kelayakan wad dalam perenggan B1, Lampiran D, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2000 dipinda seperti berikut –

| Kelas Wad | Pegawai | Bayaran Sehari |
|----------------------------------|--|----------------|
| Kelas 1 bilik seorang | Bahagian I yang bergaji RM3391.15 sebulan dan ke atas | RM10 |
| Kelas 1 bilik berdua | Bahagian I yang bergaji RM2535.19 sebulan dan ke atas tetapi di bawah RM3391.15 | RM8 |
| Kelas I bilik bertiga atau lebih | Bahagian I yang lain Bahagian II dan III yang bergaji RM1254.53 sebulan dan ke atas | RM6 |
| Kelas 2 | Bahagian II dan III yang bergaji di bawah RM1254.53 sebulan Bahagian IV yang bergaji RM470.45 sebulan dan ke atas | RM3 |
| Kelas 3 | Bahagian IV yang bergaji di bawah RM470.45 sebulan | Percuma |